

aab

Mahathir - Wartawan

WARTAWAN PERLU LEBIH SENSITIF, KATA MAHATHIR KEPADA WARTAWAN AUSTRALIA

T

LANGKAWI, 10 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para wartawan Australia supaya lebih sensitif dan menggesa mereka menyatakan yang benar bagi kepentingan semua pihak.

"Pertama ialah untuk bercakap yang benar dan jika anda tidak boleh bercakap benar, jangan memperheuskannya," katanya semasa menjawab satu soalan mengenai hubungan Malaysia-Australia ekoran kontroversi mengenai ungkapan menghina oleh Perdana Menteri Australia Paul Keating terhadap Dr Mahathir.

Perdana Menteri sebelum itu ditanya mengenai perkembangan terbaru perselisihan di antara kedua-dua negara dan berkata beliau akan membuat pengumuman esok selepas berhincang dengan rakan-rakannya.

Kabinet dijadual mengadakan mesyuarat minggunya esok dan diikuti dengan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO.

Sambil memberitahu akhbar Australia supaya bertanggungjawab, Dr Mahathir berkata: "Anda (pernah) pergi merata-rata dan memberitahu orang ramai bahawa kami telah membunuh (pelarian) Vietnam, pada hal kami membantu mereka.

"Adakah anda fikir bahawa itu adil? Kami tidak marah tanpa sebab... anda (akhbar Australia) menyiarkan gambar-gambar kami menetak dan membunuh serta merayakan pembunuhan (pelarian) Vietnam. Saya melihat gambar-gambar itu... ia amat tidak adil," katanya pada persidangan akhbar di sini. -- Lagi

▼10/12/21-02MST

CNS8843

R GR 10-12 00235 BD459

aab

Mahathir - Wartawan 2 (Akhir) Langkawi

"Kami tidak pernah berkata apa-apa mengenai rakyat Australia berperangai buruk walaupun jika mereka melakukannya, kenapa harus kami menyakitkan hati mereka. Kami fikir untuk kepentingan semua adalah baik bagi setiap orang bercakap benar," katanya.

Semasa menjawab satu lagi soalan, Dr Mahathir menjelaskan bahawa beliau tidak bersengketa dengan sektor swasta Australia seperti yang diberitahunya kepada orang ramai bahawa kerajaan Australia yang menyebabkan semua masalah ini.

Sambil berkata beliau boleh berbaik dengan semua orang, katanya, punca kenapa rakyat asing melabur di Malaysia ialah kerana "kami ini baik orangnya."

Ditanya mengenai satu laporan bahawa Perdana Menteri Jepun telah menawarkan diri untuk menjadi orang tengah, Dr Mahathir berkata beliau ingin berterima kasih terhadap tawaran itu tetapi "saya tidak fikir kita sampai ke tahap itu (yang memerlukan pengantara)."

Ditanya lagi sama ada beliau telah menerima petikan ucapan Keating dalam mana Keating berkata beliau kesal dengan ungapannya itu, Dr Mahathir berkata: "... saya akan berhincang dengan rakan-rakan saya dan membuat pengumuman selepas itu."

Beliau enggan menyatakan pendirian yang dijangka akan diambil esok semasa ditanya lebih lanjut oleh para wartawan, tetapi berkata "apa yang saya akan lakukan, bergantung kepada apa yang diberitahu oleh rakan-rakan saya."

Keating mencetuskan krisis itu bulan lepas apabila memanggil Dr Mahathir keras kepala kerana tidak menghadiri forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Seattle. -- Bernama

SAG RON

▼10/12/21-30MST